

Headline	90 tahun tunggu haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	15	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	359 cm ²
Journalist	!>	AdValue	RM 7,095
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,286



Tempoh giliran meningkat berikutan ramai mendaftar 90 tahun tunggu haji

Oleh **AZRUL HAKIMIE ANUER**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 13 OKT.**

LEMBAGA Tabung Haji (Tabung Haji) memaklumkan tempoh menunggu giliran menunaikan ibadah haji di Malaysia ketika ini adalah selama 90 tahun, meningkat berbanding 82 tahun yang diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom pada Mac lalu.

Pengerusinya, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, perkara tersebut berlaku berikutan peningkatan mendadak individu yang mendaftar untuk mengerjakan Rukun Islam kelima itu.

Menurut beliau, pendaftaran semasa bagi mengerjakan haji tahun ini adalah seramai 402,656 orang manakala jumlah terkumpul pendaftar yang menanti giliran adalah seramai 2.33 juta orang.

“Saya yakin dan percaya wawasan rasmi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi ke Arab Saudi ketika ini akan menyentuh berkenaan Tabung Haji terutama berkaitan hal kuota dan cara untuk ditambah baik,” katanya selepas majlis penyerahan zakat perniagaan berjumlah RM4,136,827.39 kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di sini hari ini.

Berkenan menerima zakat itu ialah Tengku Mahkota Kelantan, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra.

Pembayaran zakat perniagaan kepada Kelantan untuk 2015 mencatatkan peningkatan 2.29 peratus berbanding 2014.

Jumlah keseluruhan zakat perniagaan 2015 yang telah dibayar oleh Tabung Haji kepada negeri seluruh Malaysia adalah RM59.3 juta berbanding RM57 juta pada 2014.

Dalam perkembangan lain, Abdul Azeez enggan membuat

sebarang spekulasi berkenaan peningkatan kadar visa umrah dan haji yang heboh diperkatakan sejak kebelakangan ini kerana Tabung Haji sehingga kini masih belum menerima maklum balas rasmi daripada kerajaan Arab Saudi.



TENGGU MUHAMMAD FA-IZ PETRA berkenan menerima replika cek zakat perniagaan Tabung Haji daripada Abdul Azeez Abdul Rahim di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA